JEFRI IBRAHIM A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
ABDULL HAMID EMBONG HMR
WAN ADNAN MUHAMAD HMR
JEFFREY TAN HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: R-05-78-2003]
30 SEPTEMBER 2009 C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Sama ada perayu mempunyai pengetahuan kewujudan dadah - Milikan mes rea - Sama ada terbukti - Keputusan afirmatif - Sama ada dibuat oleh hakim bicara - Sama ada perayu gagal menyanggal anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada keterangan perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan - Sama ada hakim bicara khilaf dari segi penemuan fakta dan pemakaian prinsip undang-undang oleh hakim bicara* D E

Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan atas kesalahan pengedaran dadah di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dan dijatuhkan hukuman mati mandatori oleh Mahkamah Tinggi. Perayu mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Hakim bicara telah mendapati perayu mempunyai milikan cannabis seberat 1721.4 gm yang ditemui pada motosikal yang telah ditunggangi perayu. Bagi tujuan pengedaran, hakim bicara bergantung kepada peruntukan s. 37(da) ADB iaitu anggapan bahawa wujud perbuatan pengedaran apabila cannabis melepasi tahap berat statutori iaitu 200gm. Isu-isu yang timbul adalah sama ada hakim bicara telah khilaf apabila mendapati (i) dadah telah berada dalam milikan perayu; (ii) perayu mempunyai pengetahuan kewujudan dadah yang ditemui; (iii) hakim bicara telah menolak pembelaan perayu dan tidak menerima keterangan perayu. Perayu juga membangkitkan bahawa hakim bicara gagal membuat keputusan bersifat afirmatif. F G H I

A **Diputuskan (menolak rayuan perayu; mengekalkan sabitan dan hukuman)**
Oleh Wan Adnan Muhamad HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

B **(1)** Hakim Bicara telah mendapati perayu mempunyai pengetahuan kewujudan dadah yang tersorok di bawah baju hujan kuning yang sebelum itu dipakainya di dalam bakul bahagian depan motosikal yang ditunggangnya serta dadah yang tersorok di bawah tempat duduk dan di bawah penghadang angin
C motosikal. Seterusnya, motosikal tersebut telah diguna oleh perayu sejak dua minggu sebelum perayu ditangkap. Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati dalam keadaan dadah dijumpai perayu mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah yang ditemui di beberapa bahagian
D motosikal yang ditungganginya semasa beliau ditangkap. Pendekatan yang diambil oleh hakim bicara adalah mengikut kaedah yang mantap dalam membuat keputusan mengenai 'pengetahuan'. Perayu mempunyai milikan *mens rea* cannabis yang dijumpai pada motosikal yang ditungganginya. (perenggan
E 13)

(2) Bagi membuktikan kewujudan dadah tanpa disedarinya, perayu dalam pembelaannya telah menyatakan bahawa seorang bernama 'Taiko' telah meminjam motosikal beliau untuk ke
F Padang Besar dan pada petang hari tersebut, Taiko telah menyerah balik motosikal tersebut kepadanya. Perayu menyatakan dalam perjalanan balik ke rumah isterinya beliau ditangkap oleh anggota polis. Perayu mendakwa ada memberitahu pegawai penyiasat yang dadah cannabis
G berkemungkinan kepunyaan 'Taiko'. Hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betul apabila menolak pembelaan perayu. Beliau tidak menerima keterangan perayu dan memberi alasan yang waras (logical) bahawa tidak berkemungkinan satu lelaki bernama Taiko menunggang motosikal tersebut sejak
H diekori oleh anggota polis dari sempadan Malaysia/Thailand. Di samping itu, perayu telah cuba melarikan diri selepas motosikalnya dilanggar oleh polis tidak beruniform turut mendapat perhatian hakim bicara. Hakim bicara telah memberi alasan yang kukuh bagi menyokong pendapatnya.
I (perenggan 21 & 23)

(3) Hakim bicara nyata membuat keputusan afirmatif mengenai cannabis yang ditemui dari motosikal tersebut adalah dalam milikan perayu dan perayu mengetahui mengenai kewujudan dadah berkenaan. Daripada keseluruhan alasan penghakimannya, beliau telah membuat secara nyata mengenai penemuan faktanya tidak bergantung kepada anggapan atas peruntukan s. 37(d) ADB. Malahan beliau hanya bergantung kepada peruntukan s. 37(da) ADB sahaja. Hakim bicara tidak terikat dengan cara tertentu atau stereotaip apabila menzahirkan keputusan bersifat afirmatif. Hakim bicara telah membuat keputusan bersifat afirmatif mengenai milikan. (perenggan 25)

(4) Hakim bicara mendapati perayu mempunyai milikan dadah cannabis dan mengetahui apa yang dimilikinya adalah dadah cannabis. Beliau menerima keterangan ahli kimia memandangkan berat cannabis melebihi had statutori maka beliau menggunakan (invoke) peruntukan s. 37(da) ADB bagi maksud pengedaran. Hakim bicara mendapati perayu gagal menyangkal anggapan pengedaran di bawah peruntukan seksyen berkenaan. Keterangan pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Tiada kekhilafan dari segi penemuan fakta mahupun pemakaian prinsip undang-undang oleh hakim bicara. (perenggan 26)

English *Translation Of Headnotes*

The appellant was found guilty and convicted of drug trafficking under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 (DDA) and sentenced to mandatory death by the High Court. The appellant submitted his appeal to this court against the decision of the High Court. The trial judge found that the appellant had in his possession Cannabis weighing 1721.4 gm found in the motorcycle that the appellant had ridden. For the purpose of trafficking, the trial judge had invoked the provision of s. 37(da) DDA, that is the assumption that the act of trafficking had been committed when the Cannabis that was found exceeded the statutory weight level, that is 200gm. The issues that arose were whether the trial judge had erred when finding that (i) the drugs had been in the possession of the appellant; (ii) the appellant had prior knowledge of the existence of drugs that were found; (iii) the trial judge had rejected the appellant's defense and did not accept the appellant's evidence. The appellant had also raised the issue that the trial judge had failed to make an affirmative decision.

Held (dismissing the appeal by the appellant; sustaining the conviction and sentence)
Per Wan Adnan Muhamad JCA delivering the judgment of the court:

(1) The trial judge found that the appellant had prior knowledge of the existence of the drugs hidden under the yellow raincoat in the basket in the front of the motorcycle and the drugs hidden under the seat and under the windshield of the motorcycle. The motorcycle was used by the appellant before the appellant was arrested two weeks latter. The trial judge made the right decision when he had discovered that the way in which the drugs were found proved that the appellant had prior knowledge of the existence of drugs found in some parts of the motorcycle that he rode when he was arrested. The approach taken by the trial judge was in accordance with the convention in making decisions pertaining to what constitute as 'knowledge'. The appellant had *mens rea* possession of the Cannabis found in the motorcycle that he had ridden.

(2) To prove the existence of the drugs without his prior knowledge, the appellant in his defense claimed that a man named 'Taiko' had borrowed his motorcycle to go to Padang Besar and in the afternoon of that day, Taiko had returned his motorcycle. The appellant claimed that on his way back to his wife's house he was arrested by police. The appellant claimed that he had told the investigation officers that the Cannabis drugs may belong to one named 'Taiko'. The trial judge was correct when he refused to allow the appellant's defense. He did not accept the appellant's evidence and gave reasonable (logical) reason that one named Taiko was unlikely to have ridden the motorcycle since he had been followed by the police from the Malaysia/Thailand border. Furthermore, the judge took into account the fact that the appellant had tried to escape after his motorcycle was knocked down by plainclothes policemen. The trial judge had framed a strong reason to support his opinion.

(3) The trial judge obviously had made an affirmative decision in nature in respect of the Cannabis found in the motorcycle which was in the possession of the appellant and the appellant knew about the existence of the drugs. From the reasoning of his entire judgment, he had expressly framed that his facts

were not based on the assumptions provided under s. 37(d) DDA. In fact he only relied on the provisions of s. 37(da) DDA. The trial judge was not bound by a particular approach or stereotype when disclosing decision affirmative in nature. The trial judge decision was affirmative in nature in respect of the possession.

(4) The trial judge found that the appellant had possessed the Cannabis drugs and had prior knowledge that he possessed the Cannabis drugs. He concurred to the evidence put forth by the chemist as the weight of the cannabis exceeded the statutory limit therefore he invoked the provisions of s. 37(da) DDA for the purpose of trafficking. The trial judge found that the appellant failed to rebut the trafficking assumption made under the provisions of the section. The defence failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. There was no dispute in terms of the discovery of the facts or application of the principles of law by the trial judge.

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Rahim Kalandari Mustan v. PP [2004] 1 CLJ 581 CA ***(dirujuk)***
Andy Bangindah v. PP [2000] 3 CLJ 289 CA ***(dirujuk)***
Che Omar Mohd Akhir v. PP [2007] 3 CLJ 281 FC ***(dirujuk)***
Chow Kok Keong v. PP [1998] 2 CLJ 469 FC ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
PP v. Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lim Hock Boon [2009] 3 CLJ 430 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
PP v. Tan Tatt Eek [2005] 4 CLJ 460 FC ***(dirujuk)***
Tan Yew Choy v. PP [2009] 4 CLJ 245 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da)(vii), 39B(1)(a)

Bagi pihak perayu - Rusli Zain; T/n Rusli Zain & Assoc
Bagi pihak responden - Suzana Atan TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kangar; Perbicaraan Jenayah Bil: 45-03-2001]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad HMR:

[1] Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan atas kesalahan pengedaran dadah di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dan dijatuhkan hukuman mati mandatori oleh Mahkamah Tinggi Kangar pada 29 Ogos 2003. Perayu menggemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Pada 17 Julai 2009 kami telah mendengar rayuan perayu dan sebulat suara menolak rayuannya. Berikut adalah alasan kami yang menolak rayuan perayu.

[2] Kes pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 10 Ogos 2001 jam lebih kurang 5 petang ASP Ghuzlan bin Hj. Salleh (SP5) yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis telah mengadakan taklimat operasi berkenaan pengedaran dadah kepada pegawai dan anggota-anggotanya. Selepas taklimat tersebut beliau bersama-sama pegawai dan anggota-anggotanya telah beredar ke suatu lokasi di kawasan Jejawi, Perlis untuk membuat serang hendap ke atas suspek.

[3] Sebelum itu SP5 telah mengarahkan dua orang anggotanya iaitu D/Sarjan Rozali bin Che Long (SP4) bersama L/Koperal Mohd. Nor bin Sallehuddin membuat pemerhatian di hadapan Maybank Padang Besar, Perlis iaitu berdekatan dengan sempadan Malaysia-Thailand untuk mengesan sebuah motosikal jenis Modenas Kriss berwarna hitam dengan nombor pendaftaran KBC 6348 (motosikal tersebut) yang dipercayai akan keluar dari sempadan Thailand dan masuk ke Malaysia mengikut pos Padang Besar. Lebih kurang jam 5.15 petang semasa SP4 dan rakannya berada di hadapan Maybank tersebut mereka nampak motosikal tersebut ditunggangi oleh seorang lelaki melepasi kawasan di hadapan mereka. SP4 memaklumkan perkara tersebut kepada SP5 melalui telefon bimbitnya. SP5 telah mengarahkan SP4 dan rakannya mengekori motosikal tersebut.

[4] SP4 dan rakannya mengekori motosikal tersebut dengan motokar mereka dalam jarak lebih kurang 100 meter selama lebih kurang 15 minit. Ketika itu hujan renyai-renyai dan penunggang motosikal tersebut memakai baju hujan berwarna kuning dan bertopi keledar. Motosikal tersebut kemudiannya membelok ke Jalan Chuping menghala ke Mata Ayer.

[5] Apabila motosikal tersebut sampai lebih kurang 200 meter dari tempat sekatan jalan raya Unit Pencegah Penyeludupan di Chuping, ia telah melintas ke seberang jalan dan berhenti. SP4 nampak penunggang motosikal tersebut membuka baju hujan berwarna kuning yang dipakainya dan memasukkan baju hujan tersebut ke dalam bakul motosikal di hadapannya.

[6] SP4 dan rakannya memintas motosikal tersebut dan terus ke Stesen Minyak Petronas di Mata Ayer untuk menunggu motosikal tersebut. Lebih kurang 10 minit berada di situ SP4 nampak semula motosikal tersebut melintasi mereka. Atas arahan SP5, mereka mengekori semula motosikal tersebut sehingga motosikal tersebut sampai di Jejawi dan membelok ke Jalan Jejawi-Sematang. Ketika itu SP5 memberitahu SP4 bahawa beliau yang telahpun mengambil tempat bersama anggota-anggota lain di kawasan tersebut, dapat melihat motosikal tersebut.

[7] Pada jam lebih kurang 5.50 petang hari yang sama semasa SP5 sedang menunggu dekat kedai makan yang berhadapan Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di Jalan Jejawi-Sematang beliau nampak motosikal tersebut datang dari arah Jejawi menuju ke arah lebuhraya melalui Jalan Jejawi-Sematang. Selepas motosikal tersebut melepasinya SP5 mengekori motosikal tersebut dengan motokarnya. Pada masa yang sama SP5 juga nampak anggota-anggotanya yang menaiki dua buah motosikal. Mereka ialah Detektif L/Koperal Zulkifli Othman (SP7) dan Detektif L/Koperal Azmi serta Detektif L/Koperal Syed Zaini. Kira-kira ketika itu SP5 nampak anggota-anggotanya telah memintas motosikal tersebut dan menahan penunggang motosikal tersebut. Sesampai di tempat di mana penunggang motosikal tersebut ditahan SP5 melihat penunggangnya terbaring di atas tanah. Di situ SP5 nampak baju hujan berwarna kuning berada di dalam bakul motosikal tersebut. SP5 membuat pemeriksaan dan mendapati di dalam baju hujan tersebut satu plastik hitam mengandungi 2 bungkus plastik cerah yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki ganja. Perayu ialah penunggang motosikal tersebut.

[8] Kemudian perayu dan motosikalnya dibawa dengan kenderaan polis ke pejabat SP5 di Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perils. Di situ SP5 mengarahkan anggotanya L/Koperal Karim bin Baba (SP6) untuk membuat pemeriksaan teliti ke atas motosikal tersebut dengan diperhatikan oleh beliau sendiri dan perayu. Hasil pemeriksaan tersebut SP6 telah menjumpai satu lagi bungkusan berwarna cerah yang

A mengandungi daun-daun kering di bawah "cover" sebelah kiri motosikal tersebut. SP6 seterusnya menjumpai lagi dua bungkusan plastik berwarna cerah yang mengandungi daun-daun kering di bawah "cover" sebelah kiri motosikal tersebut. SP6 turut menjumpai dua lagi bungkusan plastik berwarna cerah juga
B mengandungi daun-daun kering di sebelah kiri bawah tempat duduk penunggang. Akhir sekali SP6 telah menjumpai satu lagi plastik berwarna cerah yang mengandungi daun-daun kering di sebelah kanan di bawah tempat duduk motosikal tersebut.

C **[9]** Kesemua bungkusan plastik yang mengandungi daun-daun kering tersebut telah diserahkan oleh SP5 kepada Pegawai Penyiasat iaitu Cif Inspektor Salehin bin Suleiman (SP10). SP10 kemudiannya telah menghantar keenam-enam bungkusan plastik berwarna cerah itu kepada Ahli Kimia Kerajaan (SP3) untuk
D dianalisis. SP3 telah mengesahkan bahawa keenam-enam bungkusan plastik tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis cannabis sebagaimana ditakrifkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 seberat 1,721.4 gram.

E **[10]** Siasatan yang dijalankan oleh SP10 menunjukkan motosikal tersebut sebenarnya mempunyai nombor pendaftaran KBA 6348 yang didaftarkan atas nama Harun bin Kamis (SP8). Mengikut SP8 beliau membeli motosikal tersebut dalam tahun 2001 dan anaknya (SP9) yang selalu menggunakan motosikal tersebut. SP9
F mengatakan motosikal tersebut dibeli oleh bapanya (SP8) pada 18 Disember 2000 dan sejak motosikal tersebut dibeli beliaulah (SP9) yang menggunakan motosikal tersebut. Semasa beliau menggunakannya, motosikal tersebut telah mengalami kerosakan sebanyak dua atau tiga kali. Kali terakhir motosikal tersebut
G mengalami kerosakan ialah lebih kurang enam bulan selepas beliau menggunakannya. SP9 telah menghantar motosikal tersebut ke bengkel untuk dibaiki. Selepas motosikal tersebut dibaiki beliau tidak dapat mengambil motosikal tersebut kerana tidak mampu untuk membayar kos pembaikan sejumlah RM150 - RM200.
H Kemudiannya perayu, yang merupakan rakannya, telah meminta kebenaran daripada beliau untuk menggunakan motosikal tersebut. SP9 dan perayu pergi mengambil motosikal tersebut di bengkel dan perayu telah membayar kos membaikki motosikal tersebut. Semasa mengambil motosikal tersebut SP9 telah menukar plet nombor
I motosikal di bengkel tersebut kepada nombor KBC 6348. SP9 menyatakan penukaran nombor motosikalnya ialah untuk mengelakkan daripada motosikal berkenaan ditarik balik oleh pihak

syarikat kewangan kerana bayaran ansuran gagal dibuat sejak pembeliannya. Sejak dari tarikh itu SP9 tidak lagi menggunakan motosikal tersebut. SP9 menyatakan beliau berjanji untuk mengambil balik motosikal tersebut daripada perayu selepas beliau dapat membayar balik kos pembaikan yang dibuat oleh perayu.

[11] Dalam kes pengedaran dadah suatu prisip nyata (trite) ialah beban bukti dipikul oleh pihak pendakwaan atas tahap melepasi keraguan munasabah. Untuk membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh pendakwaan hendaklah membuktikan dadah berada dalam milikan tertuduh secara fisikal seperti dadah berada dalam genggamannya, di mana pengetahuan kewujudan dapat disimpulkan secara hakiki (inference); *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209. Manakala dadah dijumpai dalam keadaan yang bukan fisikal (sila lihat *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337; *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717) seperti dadah di jumpai di dalam bilik yang tertuduh mempunyai akses pihak pendakwaan boleh bergantung kepada peruntukan s. 37(d) ADB iaitu kaedah anggapan untuk mengandaikan pengetahuan tertuduh tentang kewujudan dadah berkenaan. Dalam keadaan ini pembuktian harus dibuat untuk menunjukan dadah berkenaan berada dalam kawalan atau jagaan tertuduh. Pendakwaan juga hendaklah membuktikan dadah dalam milikan tertuduh diperakui ketulinannya melalui suatu proses penganalisaan oleh ahli kimia bertauliah untuk menentukan jenis dan berat dadah berkenaan seperti kehendak peruntukan s. 2 ADB. (sila lihat *Tan Yew Choy v. PP* [2009] 4 CLJ 245).

[12] Setelah milikan terbukti pihak pendakwaan hendaklah membuktikan kegiatan pengedaran dadah berkenaan. Pembuktian boleh dibuat melalui perbuatan-perbuatan pengedaran dadah seperti ditakrifkan di bawah peruntukan s. 2 ADB di mana beratnya dadah bukan lagi menjadi suatu persoalan. (*PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233). Pembuktian pengedaran dadah juga boleh dimenafaatkan oleh pendakwaan dengan mengguna pakai kaedah anggapan di bawah peruntukan s. 37(da) Akta yang sama (*Chow Kok Keong v. PP* [1998] 2 CLJ 469). Sayugia diingatkan mana-mana peruntukan di bawah s. 37 tersebut tidak dibenarkan penggunaannya digandakan. Sila lihat *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170 FC; *PP v. Lim Hock Boon* [2009] 3 CLJ 430 FC; *Abdul Rahim Kalandari Mustan v. PP* [2004] 1 CLJ 581 CA.

[13] Daripada fakta kes jelas sekali perayu telah didapati mempunyai milikan dadah oleh hakim bicara. Atas fakta kes beliau mendapati perayu mempunyai pengetahuan kewujudan dadah yang tersorok di bawah baju hujan kuning yang sebelum itu dipakainya, di dalam bakul di bahagian hadapan motosikal yang ditunggangnya. Begitu juga dengan dadah yang tersorok di bawah tempat duduk dan di bawah penghadang angin motosikal. Ini dibuktikan melalui keterangan SP5 dan SP6. Motosikal tersebut di bawah jagaan dan kawalan perayu. Ini terbukti dengan keterangan yang diberi oleh SP9 bahawa perayu telah menggunakan motosikal tersebut sejak dua minggu sebelum perayu ditangkap dan SP9 tidak pernah menggunakan motosikalnya dalam tempoh tersebut. Pada pertimbangan kami hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati dalam keadaan dadah dijumpai perayu mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah yang ditemui di beberapa bahagian motosikal yang ditungganginya semasa beliau ditangkap. Dalam kes *PP v. Lim Hock Boon (supra)* Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa "pengetahuan" boleh disimpulkan dengan betul oleh hakim bicara setelah mempertimbangkan keseluruhan keadaan yang berkaitan dengan penangkapan dan perjumpaan dadah tersebut. Dalam rayuan ini kami berpandangan pendekatan yang diambil oleh hakim bicara adalah mengikut kaedah yang mantap dalam membuat keputusan mengenai "pengetahuan". Perayu mempunyai milikan *mens rea* cannabis yang dijumpai pada motosikal yang ditunggangngnya.

[14] Sebelum perayu ditangkap pihak polis telah mengekorinya. SP4 melihat sendiri penunggang motosikal tersebut menanggalkan baju hujan kuning yang dipakainya dan meletakkan baju hujan kuning tersebut di dalam bakul motosikal dihadapannya apabila menyedari terdapat sekatan jalan oleh Unit UPP. Ketika itu SP4 memotong motosikal tersebut dan menunggu di stesyen minyak Petronas di Mata Ayer. Keterangan SP4 disokong oleh keterangan SP5 yang melihat pergerakan motosikal tersebut. Apabila perayu ditangkap SP5 dan SP6 menjumpai dadah pada motosikal tersebut yang ditunggangi perayu. Hakim bicara mendapati perayu ialah penunggang motosikal tersebut dari sempadan Negara Thailand dan diekori oleh SP4 dan rakannya. Pada pendapat kami hakim bicara membuat keputusan berdasarkan keseluruhan fakta keterangan oleh saksi-saksi pendakwaan yang soal balas oleh peguam perayu semasa perbicaraan. Dalam ulasannya hakim bicara telah menyentuh persoalan ini. Beliau adalah dalam kedudukan yang paling sesuai untuk menilai keterangan berdasarkan fakta.

[15] Sebelum mendapati pihak pendakwaan berjaya menegakkan suatu kes *prima facie* terhadap perayu, hakim bicara dalam alasan penghakimannya (sila lihat ms. 150-153 Rekod Rayuan menyatakan seperti berikut:

> Saya akan membincangkan samada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan yang dadah tersebut berada dalam milikan tertuduh. Ada 2 cara untuk pihak pendakwaan membuktikan pemilikan. Pertamanya pihak pendakwaan boleh membuktikan cannabis tersebut berada dalam jagaan atau kawalan tertuduh dan tertuduh tahu tentang kewujudan cannabis tersebut dan keduanya pihak pendakwaan boleh membuktikan 6 bungkusan yang mengandungi cannabis tersebut berada dalam jagaan atau kawalan tertuduh dan seterusnya mengguna anggapan di bawah Seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.
>
> Isu pertama ialah samada motosikal tersebut berada dalam kawalan tertuduh pada hari kejadian. Tidak dipertikaikan yang motosikal tersebut bukan kepunyaannya. Walaupun begitu saya menerima keterangan SP9 bahawa motosikal tersebut telah dipinjamkan kepada tertuduh lebih kurang 2 minggu sebelum tarikh kejadian setelah tertuduh membayar kos membaiki motosikal tersebut. Saya menerima keterangan SP9 bahawa sejak tarikh itu sehinggalah tertuduh ditangkap SP9 tidak pernah menggunakan motosikal tersebut. Saya berpuashati bahawa pada masa yang berkenaan motosikal tersebut berada di bawah jagaan dan kawalan tertuduh. Saya juga berpuashati bahawa motosikal tersebut adalah motosikal yang dibeli oleh SP8 dan digunakan oleh SP9 sebelum itu berdasarkan keterangan yang ada.
>
> Isu seterusnya ialah siapakah lelaki yang dilihat oleh SP4 menunggang motosikal tersebut yang datang dari arah sempadan Thailand di depan Maybank Padang Besar hingga ketempat berdekatan dengan sekatan jalan raya yang dijalankan oleh UPP. SP4 mengatakan dia tidak dapat melihat muka penunggang motosikal tersebut kerana penunggang itu memakai topi keledar. Juga setelah sampai berdekatan dengan tempat sekatan jalanraya tersebut SP4 dan rakannya telah memotong motosikal tersebut dan pergi ke Stesen Minyak Petronas di Mata Ayer. Ini bermakna lebih kurang dalam tempoh 10 minit motosikal tersebut tidak berada di bawah pemerhatian SP4.
>
> Setelah mengambil kira keterangan bahawa motosikal tersebut berada di bawah kawalan tertuduh pada masa yang berkenaan dan tertuduh tidak tinggal di kawasan berhampiran Padang Besar atau Mata Ayer, Perlis tetapi di Pendang, Kedah adalah tidak munasabah untuk membuat inferens atau andaian bahawa tertuduh dengan tiba-tiba dalam masa 10 minit tersebut boleh muncul di

kawasan tersebut dan mengambil motosikal tersebut daripada orang lain dan menunggangnya menuju ke arah kawasan Jejawi. Pada pendapat saya berdasarkan keseluruhan keterangan yang ada hanya satu kesimpulan boleh dibuat iaitu lelaki yang dilihat menunggang motosikal tersebut di depan Maybank Padang Besar dan lelaki yang ditangkap di kawasan Jejawi semasa menunggang motosikal tersebut selepas itu adalah orang yang sama iaitu tertuduh. Saya berpuashati bahawa hanya tertuduh seorang yang menunggang motosikal tersebut dari Padang Besar hingga ke kawasan Jejawi di mana dia telah ditangkap.

Sebanyak 6 bungkusan lutsinar yang mengandungi cannabis telah ditemui dari motosikal tersebut iaitu 2 dalam bakul dan 4 ketul di dalam "cover" dan di bawah tempat duduk motosikal tersebut. "Cover" motosikal tersebut adalah bahagian yang dilekatkan kepada badan motosikal tersebut dengan skru dan pelekat dan menurut keterangan saksi-saksi pendakwaan ia akan mengambil sedikit masa iaitu antara 5 hingga 10 minit untuk membuka "cover" tersebut. Tempat duduk motosikal tersebut hanya boleh dibuka dengan kunci di mana terdapatnya mulut tangki minyak. Oleh itu saya berpuashati bahawa 4 bungkusan cannabis tersebut hanya boleh diletakkan di situ dengan kebenaran dan pengetahuan orang yang mempunyai kawalan ke atas motosikal tersebut pada masa itu iaitu tertuduh. Ini bermakna tertuduh tahu tentang kewujudan 4 ketul cannabis tersebut dalan "cover" dan di bawah tempat duduk motosikal tersebut.

Semasa menunggang motosikal tersebut dari Maybank Padang Besar tertuduh memakai baju hujan berwarna kuning itu dan apabila sampai berdekatan dengan kawasan Sekatan Jalanraya UPP iaitu lebih kurang 200 meter tertuduh telah membuka baju hujan tersebut dan memasukkannya ke dalam bakul motosikal tersebut menurut SP4. SP5 menjumpai satu plastik hitam yang mengandungi 2 ketul cannabis dalam baju hujan tersebut. Ini bermakna tertuduh telah mengetahui tentang kewujudan 2 bungkusan cannabis dalam plastik berwarna hitam tersebut. Dua bungkusan cannabis dalam plastik hitam dan 4 bungkusan plastik yang kemudiannya dijumpai dalam "cover" dan di bawah tempat duduk motosikal tersebut adalah serupa. Menurut SP7, Detektif Koperal Zulkifli bin Othman, semasa dia memintas motosikal tersebut di Jalan Jejawi – Sematang untuk menahan tertuduh SP7 ada menjerit "Polis, Berhenti" tetapi tertuduh cuba melarikan diri. Ini boleh menyokong kesimpulan bahawa tertuduh mengetahui tentang kewujudan cannabis tersebut daripada tingkahlakunya itu. Sehubungan dengan ini saya mengambil ingatan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Basil bin Omar v. Pendakwa Raya* [2002] 4 AMR 4525.

[16] Hakim bicara mendapati perayu mempunyai milikan cannabis seberat 1721.4 gm yang ditemui pada motosikal tersebut dan mengetahui kewujudan dadah berkenaan. Bagi tujuan pengedaran beliau bergantung kepada peruntukan s. 37(da) ADB iaitu anggapan bahawa wujud perbuatan pengedaran apabila cannabis melepasi tahap berat statutori iaitu 200 gm (sila lihat s. 37(da)(vii) ADB). Beliau menerima keterangan Ahli Kimia (SP3) bersabit penganalisaan dadah berkenaan.

[17] Setelah meneliti petikan di atas kami berpendapat hakim bicara tidak khilaf dalam menilai fakta keterangan dalam pemakaian prinsip undang-undang. Jelas beliau membuat keputusan berlandaskan fakta. Kami tidak seharusnya menganggu keputusan yang berasaskan fakta (sila lihat *Andy Bangindah v. PP* [2000] 3 CLJ 289 CA; *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] 3 CLJ 281). Hakim bicara telah memberi justifikasi kenapa beliau mendapati pihak pendakwaan berjaya menegakkan suatu kes *prima facie* dan memanggil perayu untuk membela diri. Kami dapati beliau telah mengupas keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dibantu oleh hujah kedua-dua pihak dan tiada ruang untuk kami campur tangan terhadap keputusan beliau.

[18] Intipati pembelaan perayu ialah ketiadaan pengetahuan tentang kewujudan dadah dalam bakul dan di bahagian lain motosikal yang ditungganginya. Bagi membuktikan kewujudan dadah tanpa disedarinya, beliau menyatakan seorang bernama Taiko telah meminjam motosikal beliau untuk pergi ke Padang Besar bertujuan membeli "electrode-welding". Pada jam lebih kurang 5.30 petang hari yang sama Taiko menyerah balik motosikal tersebut kepadanya di kedai makan di Simpang Tiga, Bukit Keteri iaitu tempat beliau jumpa Taiko terdahulu pada jam 3 petang.

[19] Perayu menyatakan dalam perjalanan balik ke rumah isterinya beliau ditangkap oleh anggota polis yang berpakaian preman di Jalan Jejawi Sematang. Dia merasa terkejut. Perayu mendakwa ada memberitahu pegawai penyiasat yang dadah cannabis berkemungkinan kepunyaan Taiko.

[20] Hakim bicara telah memberi pertimbangan kepada hujah peguam perayu atas persoalan berkemungkinan Taiko yang menunggang motosikal tersebut dalam tempoh sepuluh minit kerana SP4 tidak dapat melihat muka penunggang motosikal tersebut.

[21] Disamping itu isu perayu cuba melarikan diri selepas motosikalnya dilanggar oleh polis tidak beruniform turut mendapat perhatian hakim bicara.

[22] Kami kemukakan pertimbangan hakim bicara atas persoalan yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan. Beliau menyatakan (sila lihat ms 161-162 rekod rayuan):

> Setelah menimbang keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan saya berpendapat cerita tertuduh bahawa dia pergi berjumpa dengan Taiko di Simpang Tiga Bukit Keteri hanyalah rekaan tertuduh semata-mata. Tidak ada sebab kenapa tertuduh dan Taiko perlu mengadakan perbincangan di Bukit Keteri kerana menurut tertuduh Taiko tinggal di Jejawi manakala tertuduh tinggal di rumah isterinya di Utan Aji. Jika benar dakwaan tertuduh bahawa dia hendak mengadakan perbincangan dengan Taiko tersebut mereka sepatutnya mengadakan perbincangan di tempat yang lebih berdekatan dengan tempat tinggal mereka iaitu yang lebih berdekatan dengan Kangar. Ataupun tempat yang lebih sesuai untuk bertemu ialah di Padang Besar (Perlis) sendiri memandangkan barangan tersebut akan dibeli di Padang Besar. Juga saya tidak percaya dengan keterangan tertuduh bahawa dia sanggup membenarkan Taiko menunggang motosikalnya masuk ke Thailand untuk membeli "electrode-welding" tersebut kerana tertuduh baru sahaja mengenali Taiko tersebut. Disamping itu semasa tertuduh ditangkap pihak polis tidak menjumpai satu pun alat "electrode-welding" tersebut. Apa yang dijumpai daripada tertuduh ialah wang Baht Thailand. Ini sebenarnya menyokong kes pendakwaan bahawa tertuduh sendiri yang pergi ke Padang Besar.
>
> Keduanya kenapakah Taiko membiarkan tertuduh membawa balik cannabis tersebut jika cannabis tersebut kepunyaan Taiko. Jumlah dadah tersebut adalah seberat 1721.4 gm dan mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Dadah tersebut bukan sahaja dijumpai dalam raga motosikal tersebut tetapi juga di bahagian motosikal yang terletak di bawah tempat duduknya. Jika apa yang dinyatakan oleh tertuduh itu benar kenapa Taiko perlu meletakkan sebahagian daripada dadah tersebut di tempat yang tersembunyi memandangkan motosikal tersebut bukan kepunyaannya.

[23] Pada hemat kami hakim bicara telah membuat kesimpulan yang betul apabila menolak pembelaan perayu. Beliau tidak menerima keterangan perayu dan memberi alasan yang waras (logical) bahawa tidak berkemungkinan Taiko menunggang motosikal KBC 6348 tersebut. Hakim bicara tidak silap apabila beranggapan perayulah yang menunggang motosikal tersebut sejak diekori oleh SP4 di sempadan Malaysia/Thailand. Beliau memberi

alasan yang kukuh bagi menyokong pendapatnya seperti dinyatakan dalam petikan alasannya yang dikemukakan di atas. Kami bersetuju dengan pendapatnya kerana ia adalah hasil daripada rumusan fakta keterangan.

[24] Peguam perayu ada membangkitkan bahawa hakim bicara gagal membuat keputusan bersifat afirmatif (affirmative finding). Kami peka dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Tan Tatt Eek* [2005] 4 CLJ 460. Di halaman 468 Nik Hashim, HMP berkata (dalam bahasa asal):

> The Federal Court's decision which is relevant to the present case is that in order to invoke the presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act, there must be an express affirmative finding of possession as understood in criminal law, and not a legal presumption of possession and knowledge as provided for under s. 37(d). The presumption of possession and knowledge under section 37(d) cannot be used to invoke the presumption of trafficking under s. 37(da) of the Act.

[25] Dalam kes rayuan ini hakim bicara nyata membuat keputusan afirmatif mengenai cannabis yang ditemui dari motosikal tersebut adalah dalam milikan perayu dan perayu mengetahui mengenai kewujudan dadah berkenaan. Daripada keseluruhan alasan penghakimannya beliau telah membuat secara nyata mengenai penemuan faktanya tidak bergantung kepada anggapan atas peruntukan s. 37(d) ADB. Malahan beliau hanya bergantung kepada peruntukan s. 37(da) ADB sahaja. Justeru tidak timbul situasi seperti dalam kes *PP v. Tan Tatt Eek (supra)*. Adalah penegasan kami bahawa samada hakim bicara telah membuat keputusan secara afirmatif mengenai milikan hendaklah diteliti daripada keseluruhan alasannya. Kami berpendapat hakim bicara tidak terikat dengan cara tertentu atau setereotaip apabila menzahirkan keputusan bersifat afirmatif. Bagi menentukan samada beliau membuat keputusan afirmatif mengenai milikan hendak dirumuskan daripada keseluruhan pendapatnya bagi menggambarkan ciri afirmatif tersebut. Secara ekspres (express) ialah secara nyata, khusus atau jelas yang terpancar daripada keseluruhan alasan penghakimannya. Ini tidak bererti ia hendaklah dinyatakan dalam suatu ayat sahaja bagi menentukan terdapatnya keputusan bersifat afirmatif mengenai milikan. Kami berpuashati hakim bicara telah membuat keputusan bersifat afirmatif mengenai milikan.

[26] Sehubungan dengan itu hakim bicara mendapati perayu mempunyai milikan dadah cannabis dan mengetahui apa yang dimilikinya adalah dadah cannabis. Beliau menerima keterangan ahli kimia memandangkan berat cannabis melebihi had statutori maka beliau menggunakan (invoke) peruntukan s. 37(da) ADB bagi maksud pengedaran. Hakim bicara mendapati perayu gagal menyangkal angggapan pengedaran di bawah peruntukan seksyen berkenaan. Beliau mendapati keterangan pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan setelah mengambil kira keseluruhan fakta keterangan dihadapannya. Kami mendapati tiada kekhilafan dari segi penemuan fakta mahu pun pemakaian prinsip undang-undang oleh hakim bicara. Kami sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh beliau.

[27] Saudara-saudara saya Abdull Hamid Embong HMR dan Jeffrey Tan HMR telah melihat deraf alasan penghakiman ini dan melahirkan persetujuan mereka.